

17 NOV 1997

NCWO DAN HINDU SANGAM TURUT SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan Malaysia Hindu Sangam hari ini menyatakan sokongan mereka kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan barisan kepimpinannya.

NCWO, yang mewakili 87 pertubuhan wanita di negara ini, memutuskan memberi sokongan padu kepada Perdana Menteri pada mesyuarat lembaga pengurus NCWO, Sabtu lepas.

Naib Yang DiPertua NCWO, Prof Datin Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin, dalam kenyataannya di sini juga menyifatkan tindakan anggota kongres Amerika Syarikat yang meminta Dr Mahathir meletakkan jawatan sebagai menghina rakyat dan kedaulatan negara.

Malaysia Hindu Sangam, yang mewakili masyarakat Hindu negara ini, juga menyokong kepimpinan dan perjuangan Dr Mahathir menjadikan Malaysia sebagai negara membangun di dunia.

Presidennya, A.Vaithilingam, berkata perkara itu diputuskan pada mesyuarat majlis pusat persatuan itu minggu lepas, turut membantah tindakan anggota kongres Amerika itu. -- BERNAMA

WN NAK